

CUEPACS syor vaksinasi bergerak ke sekolah, jabatan

Oleh Zanariah Abd Mutualib - Ogos 8, 2021 @ 7:46pm
zanariah_mutalib@bh.com.my



Sebahagian penduduk menunggu giliran untuk mendapatkan suntikan vaksin sempena Program Mobile Vaksinasi COVID-19 pada 14 Julai lalu di Tanah Merah, Kelantan. - Foto hiasan BERNAMA

KUALA LUMPUR: CUEPACS mencadangkan supaya program vaksinasi bergerak diaktifkan menggunakan bas dan trak ke jabatan kerajaan dan sekolah bagi mempercepat pemberian vaksin COVID-19 kepada penjawat awam termasuk guru.

Presidennya, Adnan Mat, berkata ketika ini, masih ada penjawat awam yang belum divaksin kerana tidak mendapat janji temu melalui aplikasi MySejahtera.

"CUEPACS berharap pengurusan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) dapat memberi keutamaan kepada penjawat awam melalui kerjasama secara langsung dengan jabatan, agensi dan kementerian untuk pemberian vaksin secara bersasar.



Presiden CUEPACS, Adnan Mat

"CUEPACS yakin semua penjawat awam boleh dan akan selesa menerima suntikan vaksin lebih awal pelalui pemberian vaksin secara bersasar ini. Ia juga lebih mudah dan terkawal kerana setiap maklumat sudah dimiliki jabatan masing-masing.

"Fasa pertama pemberian vaksin kepada barisan hadapan yang kebanyakannya dalam kalangan penjawat awam sebelum ini terbukti berjaya dan berjalan lancar," katanya kepada BH, hari ini.

Sementara itu, Adnan memaklumkan, pihaknya yakin dengan jaminan yang diberikan Menteri Penyelaras PICK, Khairy Jamaluddin yang semua warga pendidik akan menerima sekurang-kurangnya satu dos vaksin COVID-19 sebelum pembukaan semula sesi persekolahan pada 1 September depan.

"CUEPACS percaya guru terutama di bawah Kementerian Pendidikan mempunyai tanggungjawab untuk melengkapkan diri mereka dengan vaksin COVID-19 bagi memastikan keselamatan diri dan warga sekolah jika sesi perksekolahan dibuka kelak," katanya.

Mengenai terdapat segelintir guru yang dikatakan menolak vaksin, Adnan berkata, pihaknya percaya mereka bukan menolak tetapi belum mendapat capaian yang baik mengenai keperluan mengambil suntikan vaksin.

"Ada dalam kalangan guru itu mungkin menghadapi masalah tertentu seperti hamil atau masih tidak mendapat temu janji. Kes itu hanyalah terpencil dan CUEPACS percaya ia dapat diselesaikan dengan segera," katanya.